Based on the principles stated in the cases mentioned above, it can be concluded that the court hearing the appeal is ordinarily not to disturb findings of fact, however it is obliged to interfere with a trial court's factual findings if it is

found that the trial court had misdirected itself in some way, or if there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the findings, or if the finding of fact is plainly wrong. It is also a well-established principle that in exercising its appellate jurisdiction, this court is not constrained from re-evaluating the whole of the evidence that has been presented at the prosecution and defence stages. In re-evaluating the whole of the evidence, the court has to evaluate the defence presented by the appellant in totality with the evidence adduced through the prosecution witnesses.

[29] In deciding this appeal, we have taken heed of these principles of appellate intervention in considering the issues raised by the appellant's learned counsel and the learned Deputy; and were guided by the principle that in a criminal appeal, the duty of the appellate court is to consider whether the conviction is right and safe.

Analysis of the issues

1st Issue – Whether the learned trial judge erred when he decided that the prosecution had successfully proved a prima facie case at the end of the prosecution case for the charges under s 16(a)(A) MACCA?

[30] Based on s 16(a)(A) MACCA and the nine charges, the prosecution needs to prove the three main elements of the charges. First, the accused has personally or through others (such as SP21) received gratification from SP16 as alleged in each charge. Secondly, the acceptance by him of the said gratification was a quid pro quo for his assistance as board member of FICSB to approve the purchase of MPHS; and thirdly, the acceptance of the bribes by the accused is corrupt. According to the appellant, the learned trial judge erred when he found that the prosecution had succeeded in proving a prima facie case at the end of the prosecution

case for the charges of accepting bribes under section 16(a)(A) MACCA as the elements of the charge had not been proven.

[31] The 9 charges under s.16(a)(A) MACCA are similar except for the date of the offence and the amount of gratification, and if we were to look at the 2nd Charge it reads:

> 2nd Charge
>
> Bahawa kamu di antara 21 Julai 2014 hingga 28 Julai 2014, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, ~~surat tawaran 11,~~ Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM100,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

[32] The prosecution in their opening statement at paragraph 18 stated as follows:

> [18] Bagi sembilan (9) pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009, pihak Pendakwaan akan mengemukakan keterangan yang menunjukkan Tertuduh telah mengarahkan Muhammad Zahid Md Arip, Pegawai Khas Tertuduh untuk mendapatkan suapan daripada Ikhwan bin Zaidel, Pengarah Syarikat Gagasan Abadi Properties Sdn Bhd sebagai upah kepada Tertuduh kerana telah membantu meluluskan pembelian MPHS oleh pihak FICSB bernilai RM160 juta.

[33] Hence, in order to establish a prima facie case for each of these 9 charges, it was incumbent upon the prosecution to establish the fact that

the appellant had directed SP21 to obtain the sum of money as stated in the charges from SP16 as gratification for the appellant assisting in the approval by FICSB to purchase MPHS from Syarikat Gagasan Abadi Properties Sdn Bhd, and that he did receive the money from SP16 through SP21.

[34] Now, let me start with the prosecution's allegation that the appellant received gratification from SP16 for his assistance in the approval of the purchase of MPHS by FICSB from Syarikat Gagasan Abadi Properties Sdn Bhd. The learned trial judge had in dismissing the CBT charge found that though the appellant was a board member of FICSB, the decision to purchase MPHS was a collective decision of the board of FICSB. The following findings by the learned trial judge in his Grounds of Judgment is instructive:

> [228] **Tidak boleh dinafikan bahawa pembelian MPHS yang memerlukan bayaran RM160 juta oleh FICSB diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Ianya bukan diluluskan oleh tertuduh.** Ianya juga tidak boleh diluluskan oleh tertuduh bersendirian kerana undang-undang syarikat dan peraturan tata-urus FICSB meletakkan kuasa melulus pembelian atau pelaburan tersebut bukan di atas tertuduh atau mana-mana pengarah secara individu, tetapi ke atas Lembaga Pengarah FICSB secara kolektif.
>
> [229] Ini tidaklah memeranjatkan kerana tata urus kelola syarikat yang baik tidaklah patut dijalankan sebegitu, lebih-lebih lagi dalam kes ini di mana amat jelas kehendak FELDA sebagai pemegang saham tunggal FICSB adalah supaya kelulusan melebihi RM100 juta diangkat ke Lembaga FELDA dan bagi yang bernilai RM100 juta dan ke bawah pula, di bawah autoriti Lembaga Pengarah FICSB (bukan mana-mana pengarah individu). **Mahkamah sekali lagi menekankan bahawa minit mesyuarat ke-10 Lembaga Pengarah FICSB pada 29 April 2014 (P41) secara terangnya merekodkan pembelian MPHS pada harga RM160 juta secara fakta dan undang-undangnya telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB.**

[230] Oleh yang demikian walaupun sebagai seorang pengarah, waima juga sebagai pengerusi, beliau telah diamanahkan harta syarikat, tertuduh tidak boleh di bawah undang-undang dianggap telah melakukan pecah amanah jenayah dengan melupuskan harta wang FICSB bagi tujuan pembayaran pembelian MPHS kerana bukan sahaja beliau **secara individu sebagai pengarah dan pengerusi tiada kuasa untuk meluluskan pembelian tersebut, tetapi yang lebih penting lagi, pembelian tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB yang dianggotai tujuh pengarah syarikat, lima daripadanya hadir di mesyuarat yang meluluskan pembelian MPHS tersebut, termasuk tertuduh dan SP15 yang juga CEO syarikat.**

[231] Minit Mesyuarat ke-10 Lembaga Pengarah FICSB (P41) juga dengan jelasnya merekodkan bahawa:

> The board was agreeable with the Management's opinion and noted there is a potential for investment in MPHS as the overall tourism market study shows a very positive outlook and therefore requested for Management to negotiate further on the offer price. (Penekanan ditambah.)

[232] **Tambahan pula, malah Mohamad Safari bin Abdullah (SP22) yang merupakan pegawai penyiasat kes ini sendiri semasa pemeriksaan balas turut mengesahkan bahawa keputusan pembelian MPHS ini dibuat oleh Lembaga Pengarah secara kolektif dan bukan keputusan seorang Ahli Lembaga Pengarah sahaja.** SP22 juga sebenarnya berkata tiada kesalahan dilakukan.

S: Soalan saya, apabila kita ada Felda Induk dan juga anak syarikat dia, FIC, keputusan yang dibuat oleh FIC saya khususkan kepada FIC apabila melibatkan pelaburan, apabila melibatkan pembelian dan penjualan dan sebagainya, mestilah ianya merupakan satu keputusan board, setuju?

J: Setuju.

S: Maknanya board itu Ahli Lembaga Pengarah?

J: Setuju.

S: Dan saya percaya kamu juga telah membuat penyiasatan tentang hal ini dan telah merampas, mengambil semua dokumen-dokumen iaitu minit-minit mesyuarat, resolusi syarikat dan sebagainya, betul?

J: Setuju.

S: Dan dalam penyiasatan kamu, pastinya kamu telah membuat satu analisa dan membuat keputusan bahawa di dalam kes ini bagi melibatkan pembelian Hotel Merdeka oleh FIC ianya dibuat melalui board, setuju? Ahli Lembaga Felda, sorry, Ahli Lembaga FIC?

J: FIC, ya, board FIC, yes.

S: Betul?

J: Betul.

S: Maknanya tiada langsung keterangan yang menunjukkan bahawa keputusan dibuat oleh salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah, betul?

J: Betul.

[237] Mahkamah patut merujuk kepada keterangan **SP16 yakni pengarah syarikat Gagasan Abadi Properties Sdn Bhd (GAPSB), pemilik asal dan penjual MPHS, yang mengatakan di perjumpaan beliau dengan tertuduh kali pertama, tertuduh memberitahu SP16 bahawa sebarang kelulusan mengenai pembelian MPHS adalah bergantung kepada keputusan Lembaga Pengarah FICSB.**

S: Kamu jumpa dengan dia Tan Sri Isa jawab begini, apa Tan Sri Isa kata kamu jawab Isa beri respond yang positif dan **akan cuba membantu** kami namun **keputusan bergantung kepada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah** FICSB **tetapi dia tidak menjanjikan apa-apa kepada saya** dan Ibrahim Baki, betul?

J: Betul.

S: **So, even Isa cannot help you. He can only assist you but there is no guarantee because everything up to the Lembaga Pengarah to decide, am I right, he said that very clearly to you and Ibrahim Baki, setuju?**

J: **Ya.**

S: Even the pertemuan itu setengah jam. Zahid Md Arip tiada di situ. Setuju dengan saya bahawa Zahid Md Arip tiada, bukan? Zahid Md Arip sudah atur segalanya dia serahkan kamu kepada Tan Sri Isa, betul?

J: Ya, betul.

S: **Semasa kamu jumpa Tan Sri Isa, this was the only thing yang keluar daripada mulut dia. Saya boleh tolong bantu tetapi saya tidak janji. Pulang kepada Ahli Lembaga Pengarah dan saya juga tidak menjanjikan apa-apa. Itu sahaja yang dia cakap berkenaan pembelian Hotel Merdeka, bukan?**

J: **Ya.**

S: Very nice of him. Panggil ajak makan tengah hari lagi semasa itu, betul?

J: Betul.

S: Semasa makan tengah hari pun tidak cakap mengenai Hotel Merdeka tentang apa-apa hal. Dia hanya stick to what he had said earlier, am I right?

J: Right.

[238] Pihak pendakwaan sendiri dalam hujahan bertulis mereka juga mengatakan keputusan Ahli Lembaga Pengarah FICSB mengenai cadangan pengambilalihan MPHS pada harga RM160 juta adalah sebulat suara dan direkodkan di bawah 'Perkara 5. PROPOSED ACQUISITION OF MERDEKA PALACE HOTEL & SUITES, KUCHING, SARAWAK' dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 bertarikh 29 April 2014 (P41) yang dipetik seperti berikut:

With no further questions arising, it was RESOLVED:

THAT the Company be and is hereby authorised to proceed with the proposed acquisition of Merdeka Palace Hotel & Suite, Kuching, Sarawak, subject to the final negotiation on the price not exceeding RM160,000,000.

THAT authority be and is hereby given to the Chief Executive Officer to execute all relevant documents in in respect of the proposed acquisition thereof.

[239] Oleh yang demikian, daripada keputusan tersebut, Lembaga Pengarah FICSB memutuskan sebulat suara tanpa sebarang soalan, bersetuju dengan cadangan pengambilalihan MPHS, tertakluk kepada perundingan akhir harga ~~[2022] 12 MLJ 747 at 844~~idak melebihi RM160 juta dan kuasa diberikan kepada CEO untuk melaksanakan dokumen yang relevan dengan cadangan pengambilalihan MPHS tersebut.

[240] Menurut SP15, berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB beliau telah mencatatkan harga RM160 juta pada ruangan 'Approval Sought' pada Kertas Lembaga bertajuk 'FIC Board Paper Meeting Paper surat tawaran 4/4/2014 Proposed Acquisition of Merdeka Palace Hotel & Suites Kuching, Sarawak' (P69) tersebut. **Ini menjelaskan lagi tanpa sebarang keraguan bahawa kelulusan dibuat Lembaga Pengarah FICSB.**

[35] The learned trial judge also rejected the prosecution's assertion that the appellant influenced or forced the board members of FICSB to approve the purchase of MPHS. The following excerpts from the Grounds of Judgment as regards that are very telling:

[254] **Apakah keterangan yang menunjukkan pengarah lain diarah atau dipaksa untuk meluluskan cadangan yang dikatakan dipengaruhi oleh tertuduh? Mahkamah dapati ini tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Dapatan mahkamah adalah sebaliknya.** Atas beberapa sebab.

[255] Pertama, walaupun tertuduh Pengerusi FELDA dan FICSB, lantikan Ahli Lembaga Pengarah FICSB (yang mana semuanya kecuali SP15 adalah juga dalam Lembaga FELDA) ke Lembaga FELDA adalah dibuat oleh Menteri yang bertanggungjawab di bawah s 15(2) Akta Kemajuan Tanah 1956, seperti yang dirujuk sebelum ini.

[256] Kedua, Ahli Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab secara statutori dan fidusiari untuk membuat keputusan secara jujur bagi menafaat dan kepentingan syarikat. Ini termaktub di dalam s 132 Akta Syarikat 1965 yang terpakai dalam kes ini. Seksyen 132(1) memperuntukkan bahawa 'A director of a company shall at all times exercise his powers for a proper purpose and in good faith in the best interest of the company'. Seksyen 132(3) pula menyatakan sebarang pelanggaran peruntukan seksyen itu oleh mana-mana pengarah adalah suatu kesalahan di bawah Akta tersebut.

[257] Ketiga, sebenarnya SP15 sendiri tidak memberitahu mahkamah bahawa Lembaga Pengarah FICSB membuat keputusan meluluskan pembelian MPHS dan penubuhan anak syarikat baru kerana diarah atau dipengaruhi oleh tertuduh. SP15 hanya menyatakan selepas pembentangan oleh SP15, tertuduh memaklumkan kepada mesyuarat bahawa FICSB perlu ambil kira elemen lain seperti 'goodwill' untuk timbang harga RM160 juta yang ditawarkan oleh GAPSB, yang dicadangkan oleh tertuduh untuk diterima. Lembaga Pengarah bersetuju dengan harga ini.

[258] Memang kertas cadangan (P69) itu pun yang disediakan pihak pengurusan yang diketuai SP15 mencadangkan pembelian MPHS (pada harga RM153 juta). **SP15 sendiri memberi keterangan dalam penyataan bertulis beliau bahawa dalam pembentangan kertas cadangan di mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB tersebut, pihak pengurusan telah membuat semakan semula dan atas asas potensi pelancongan di sekitar lokasi MPHS, 'sekiranya pengambilalihan ini berlaku, MPHS akan memperolehi keuntungan'.**

[259] Keempat, langsung tiada keterangan daripada Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang mana-mana daripada mereka diarah atau dipengaruhi untuk

meluluskan pembelian atau penubuhan anak syarikat. Sebenarnya tiada seorang pengarah FICSB lain pun yang dipanggil oleh pendakwaan selain daripada SP15 sendiri yang juga merupakan CEO syarikat untuk mengetahui perkara sebenar yang berlaku semasa mesyuarat yang meluluskan pembelian MPHS pada harga RM160 juta tersebut, dan sekiranya mereka diarah tertuduh untuk bersetuju meluluskan pembelian MPHS dengan harga RM160 juta. Tiga lagi pengarah FICSB yang hadir di mesyuarat itu, iaitu Datuk Dr Omar bin Salim, Datuk Ehsanuddin dan Datuk Faizoull bin Ahmad langsung tidak dipanggil pihak pendakwaan. Ini sudah tentunya kurang membantu kes pendakwaan kerana SP15 juga berkata beliau telah memaklumkan ketiga pengarah ini mengenai cadangan meminta diskaun sebanyak RM10 juta daripada GAPSB yang dikatakan telah awalnya dipersetujui oleh tertuduh.

[260] Kelimanya, berkenaan isu pengaruh atau arahan oleh tertuduh ke atas Lembaga Pengarah ini, terdapat satu keterangan yang dibangkitkan oleh pendakwaan dalam hujahan mereka ialah yang diberi oleh Ruzeti Emar bt Mohd Rosli (SP14), setiausaha syarikat dari luar (external) FICSB yang terlibat dalam proses merekodkan minit mesyuarat tersebut yang mana beliau mengesahkan bahawa selepas pembentangan perkara 5 Minit Mesyuarat Lembaga FICSB Kali Ke-10 oleh CEO (SP15), tertuduh telah meminta semua Ahli Lembaga Pengarah FICSB bersetuju dengan apa yang SP14 katakan mengenai MPHS dalam pernyataan bertulis beliau 'Tan Sri Isa Samad bertanya kepada semua ahli-ahli Lembaga Pengarah yang hadir 'Kita bersetuju ye? Setuju ye' dan semua ALP yang lain tidak menyatakan mereka tidak bersetuju, maka dianggap sebagai persetujuan sebulat suara oleh ALP FICSB'.

[261] Mahkamah dapati ini nampaknya selari dengan keterangan SP15 di mana dalam penyataan bertulis ada menyebut tertuduh di akhir pembentangan kertas oleh SP15 di mesyuarat tersebut telah berkata bahawa FICSB perlu ambil kira elemen goodwill MPHS dan mencadangkan FICSB membeli MPHS dengan harga RM160 juta, yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Tetapi seperti yang diterangkan mahkamah sebelum ini, syor yang dibuat tertuduh sebagai Pengerusi ini tidak boleh dikatakan sebagai arahan atau pengaruh kepada Ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan meluluskan pembelian

MPHS dengan harga RM160 juta. Secara objektifnya kenyataan tersebut adalah bersifat neutral dalam sesuatu perbincangan dan tidak mempamirkan unsur arahan, dan Ahli Lembaga Pengarah FICSB juga tidak dipanggil untuk memberi keterangan sama ada mereka diarah atau dipengaruhi tertuduh untuk meluluskan pembelian MPHS tersebut.

... ...

[265] Walau bagaimanapun, perkara pokoknya ialah, **seperti yang telah diterangkan sebelum ini tiada keterangan sokongan yang boleh dipercayai kepada hujahan pihak pendakwaan bahawa tertuduh telah meluluskan atau mengarah dan mempengaruhi keputusan yang meluluskan pembelian MPHS itu.**

[36] The prosecution's case is that the appellant had instructed SP21 to demand the gratification from SP16 and upon receiving them SP21 had given them to the appellant. SP16 had stated that the appellant had never requested any gratification from him directly. In fact, in the ~~one~~ two occasions that SP16 met the appellant, he had never asked for any gratification for bringing the proposed offer of sale of MPHS to the board of FICSB, and in fact had told him that whilst he can help to bring the matter to the board, it is still up to the board to approve the purchase.

[37] Further, there is no credible evidence showing the appellant instructing SP21 to make any monetary demand from SP16 as gratification for the assistance that the appellant was to render to obtain FICSB's approval for the purchase of MPHS. Now, the decision ~~the decision~~ to buy MPHS at the price of RM160 million was made in the 10th FICSB Board of Directors meeting on 29 April 2014. However, according to SP21 the demand for gratification by the appellant came sometime after that. If that was so than it cannot be said that the gratification was for the assistance rendered to obtain the approval of FICSB, as that event has

already happened and the appellant's assistance would not be required any further. In this regard, the learned trial judge made the following findings:

> [454] Permintaan untuk mendapatkan suapan dibuat oleh tertuduh melalui SP21 kepada SP16 berlaku selepas FICSB membuat keputusan membeli MPHS pada harga RM160 juta dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 pada 29 April 2014. Secara spesifik juga boleh dirumuskan permintaan tersebut berlaku selepas SP16 dan Ibrahim bin Baki bertemu dengan tertuduh pada kali kedua di pejabat Pengerusi FELDA bagi menzahirkan ucapan terima kasih GAPSB kepada tertuduh atas keputusan FICSB membeli MPHS pada harga RM160 juta. Menurut keterangan SP21 perkara permintaan suapan ini ditimbulkan oleh tertuduh ketika beliau menceritakan kepada SP21 mengenai pembelian MPHS oleh FICSB dan hasrat SP16 untuk membantu parti politik PBB di Sarawak.
>
> [455] Walaupun tidak disuarakan dengan spesifik oleh tertuduh, permintaan suapan ini adalah dizahirkan secara tidak langsung kerana dalam konteks perbualan (mengambil kira perkembangan dalam cadangan pembelian MPHS tersebut yang baru diluluskan Lembaga Pengarah FICSB) antara tertuduh dan SP21 mengenai subjek MPHS dan SP16, SP21 memberi keterangan yang tertuduh berkata lebih kurang 'Kalau dia orang bagi apa-apa nanti kau ambil lah'. Pada pemahaman SP21 ungkapan tersebut bermaksud apa-apa jua yang diberikan oleh SP16 atau Ibrahim Baki kepada SP21, maka SP21 perlu menerimanya bagi pihak tertuduh.

[38] The words "Kalau dia orang bagi apa-apa nanti kau ambil lah", even if said by the appellant cannot be construed as an instruction or direction by the appellant to SP21 to take any money offered by SP16 for and on behalf of the appellant. SP21 further said that he would pass on the "salam" from the appellant to SP16 following which payments would be made by SP16, which he then gave to the appellant. Apparently the salam greeting was the trigger for SP21 to ask for payment from SP16.

However, there is no credible evidence showing that there was such an understanding between the appellant and SP21 to use this code word, and during cross-examination S21 gave contradictory evidence in this regard.

[39] It can clearly be seen from SP21's Cross-Examination that SP21 has given contradictory evidence, where:-

(a) SP21 states that the appellant gives salam greetings before every transaction;

(b) SP21 then agreed that the appellant did not give the salam greeting as a signal before every transaction;

(c) SP21 then stated that though the conveying of the salam greetings was a pattern, it was not included in his Witness Statement; and

(d) SP21 admitted that he only used the salam greetings that had been given in the past and that the Appellant ~~giving~~ salam before each transaction.

[39] We note that the existence of these material contradictions in the answers given by SP21 regarding this crucial issue of the conveying of the salam greeting from the appellant as the trigger signal for SP21 to demand for payment to made by SP16 were not properly evaluated by the learned trial judge. The learned trial judge should have evaluated SP21's answers during cross-examination on this very important because it will greatly assist the LHCJ ~~to examine~~ the credibility, consistency and accuracy of SP21's testimony. This is particularly so when SP21 said that the total amount agreed to be paid by SP16 was RM3 million, but when the amounts stated in the 9 charges are tallied they total more than RM3

million, and no plausible explanation was given by SP21 for this contradiction.

[40] We find that the learned trial judge's finding that there was demand for payment made by the appellant through SP21 and that SP16 had made 9 payments via SP21 to the appellant is not borne out by credible evidence. The evidence shows that SP16 made 9 payments to SP 21 but apart from the oral evidence of SP21 there is no other evidence showing that the appellant had received these payments from SP21.

[41] Further, the LHCJ also made a finding that the gratification was corruptly given by SP16 because he was afraid that if payment is not made then the appellant could jeopardise the contract for sale of MPHS and the sale proceeds could be delayed or the approval to purchase MPHS could be cancelled due to the influence of the appellant as Chairman of FICSB. This can clearly be seen in paragraphs 461, 556 and 958 of the Grounds of Judgment.

> [461] menurut SP16, pihak beliau dengan Ibrahim Baki tidak ada pilihan dan akur dengan permintaan tertuduh yang dibuat sebelum ini. Mereka khuatir dengan pengaruh tertuduh sekiranya mereka tidak bersetuju dengan permintaan ini, umpamanya ada kemungkinan tertuduh boleh bertindak untuk mengakibatkan pembayaran kepada GAPSB dilengahkan atau kelulusan urusniaga pembelian MPHS dibatalkan terus kerana sebelum ini FICSB telahpun menolak cadangan pembelian MPHS.
>
> [556] dengan lain perkataan, wang suapan dalam kes ini, sepertimana yang diperincikan dalam kesemua sembilan pertuduhan adalah sebagai upah atas penglibatan tertuduh dalam kelulusan pembelian MPHS tersebut. Lebih-lebih lagi, SP16 telah memberi keterangan bahawa setelah permintaan dibuat beliau telah bersetuju untuk memberi 3 juta kerana bimbang pembelian MPHS tersebut tidak terlaksana walaupun telah diluluskan atas sebab pengaruh tertuduh sebagai Pengerusi FELDA dan FICSB. Ini juga boleh dianggap

sebagai upah untuk memastikan FICSB meneruskan pelaksanaan pembelian MPHS setelah memberi kelulusan terhadapnya.

[958] Tiada sebab lain mengapa suapan diberikan kepada beliau. Ianya telah jelas diterangkan oleh pemberi sendiri, SP16 iaitu kerana diminta tertuduh. Ini adalah selepas tertuduh bersama Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang lain meluluskan pembelian MPHS dan disebabkan SP16 dan Ibrahim Baki tidak mahu kelulusan pembelian tersebut diganggu ataupun perlaksanaan pembelian dibatalkan atas dasar pengaruh tertuduh sebagai Pengerusi dan Pengarah FICSB sekiranya suapan upah tidak diberikan kepada Tertuduh.

[42] We agree with the learned counsel for the appellant that if the fear of the appellant's influence as Chairman of FICSB over the decision to purchase MPHS was the reason for the payments being made SP16 to SP21, and too after the board approval had been given, then the charges would be rendered defective as this is not stated in any of the 9 charges.

[43] The prosecution has presented two different narratives of their case, where in the charges and their opening statement it was stated that the gratification was a reward for helping to approve the purchase of MPHS, and then in the course of trial the narrative was changed to 'inducement' so that appellant did not interfere with the contract for the purchase of MPHS. The question then arises as to which element Section 16(a)(A) MACCA was used by the learned trial judge in deciding whether a prima facie case has been established against the appellant. Is it one of reward, or is it one of inducement.

[44] The prosecution cannot change the goal post midstream. They must keep to the particulars stated charges as they stand. The charges were amended once but the reason for the gratification stated in the original charges remained the same in the amended charges, and it was as a reward for the appellant in assisting to get the approval for the purchase

of MPHS and not the perceived fear that the appellant would throw a spanner in the works.

[45] It is trite law that the appellant must have sufficient notice of the matter with which he is charged as otherwise he will be seriously prejudiced in his defence. Further, when two conflicting versions of the prosecution's case are adduced pertaining to the exact purpose of the gratification, the arising ambiguity must be resolved in favour of the accused/appellant.

[46] Thus, we find that the learned trial judge had misdirected himself when ruling that a prima facie case has been established based on the evidence of SP16 that his apprehension and fear of the appellant's influence as Chairman in the contract completion was the reason why he gave the gratification as satisfying the element of the charges under s.16(a)(A) MACCA, when the charges themselves stipulate that the gratification was paid as reward for his assistance in obtaining the approval of FICSB for the purchase of MPHS.

[47] Thus we find that in the overall, the conviction on all nine charges are not safe. We find that there are merits in the appeal, and appellate intervention is warranted. Hence, the appeal against conviction and sentence in respect of all charges is allowed and the order of the HC is set aside. The appellant is acquitted and discharged.